



Yunus





Published by the Comic Bible Society, LLC
Copyright © 2021


Kingstone Comics maintains copyright to this comic book as provided by United States copyright law.

Print and digital copies of this version may be freely distributed without penalty under a Creative Commons license.

PADA TAHUN 760 S.M. BANGSA ISRAEL SEDANG MENGALAMI ZAMAN KEMAKMURAN POLITIK DI BAWAH PEMERINTAHAN RAJA YEROBEAM II.



NAMUN, SEPERTI RAJA-RAJA ISRAEL YANG SEBELUMNYA... MEREKA BERPALING DARI HUKUM TAUROT MUSA DAN "MELAKUKAN KEJAHATAN DI MATA TUHAN."





ORANG-ORANG ISRAEL
DENGAN TERANG DAN
JELAS TELAH
DIPERINTAHKAN UNTUK
MENYEMBAH HANYA
TUHAN YANG SATU.



BAIT SUCI DI YERUSALEM ADALAH
TEMPAT DI MANA TUHAN HARUS
DISEMBAH.



WALAUPUN RAJA YEROBEAM II BERJAYA
DARI SEGI PENAKLUKAN KETENTERAAN,
BAGINDA MEMPUNYAI SATU MASALAH BESAR.


BAGINDA MENGIKUT JEJAK
DOSA RAJA YEROBEAM YANG
SEBELUMNYA.



RAJA YEROBEAM I TELAH MEMBINA DUA PATUNG
LEMBU EMAS DI KAWASAN SUKU DAN.




BAGINDA MAHU RAKYAT SEKITARNYA UNTUK DATANG
MENYEMBAH DI SANA DAN TIDAK MENGIKUT
PERATURAN YANG TELAH DITETAPKAN YEHOVAH.



KEBANYAKAN PEMIMPIN DAN RAKYAT ISRAEL LUPA AKAN RANCANGAN
TUHAN UNTUK MEMBERITAHU BANGSA-BANGSA SELURUH DUNIA
TENTANG TUHAN BENAR YANG SATU.



UNTUK MEMPERINGATKAN
MEREKA, TUHAN TELAH
MENGUTUS SEORANG LELAKI
BERNAMA YUNUS.



YUNUS MERUPAKAN SEORANG NABI TUHAN.
DIA TELAH DIPANGGIL DAN DIKARUNIAKAN
TUHAN DENGAN KEBOLEHAN YANG ISTIMEWA,
SUPAYA BOLEH MEMBAWA PEMBERITAAN
TUHAN KEPADA UMATNYA.



NAMUN, SUATU HARI TUHAN
TELAH MEMBERI YUNUS SUATU
PERINTAH YANG CUKUP
MEMBIMBANGKAN...


PERGILAH KE
NINIWE, KOTA BESAR
ITU, DAN KECAMLAH
PENDUDUKNYA.
AKU TAHU BAHAWA
PENDUDUKNYA
SANGAT JAHAT.

SETELAH BANJIR BESAR BERLALU, BAHTERA NUH TERKANDAS
SEBUAH BANJARAN DI TURKI YANG DIKENALI SEBAGAI ARARAT.
ADA LAPAN MANUSIA YANG TERSELAMAT.



NUH, ISTERINYA, SERTA TIGA
ANAK LELAKI NUH DAN ISTERI MEREKA

TIGA ANAK LELAKI NUH
ADALAH SEM, HEM
DAN YAFET



YAFET, ISTERINYA SERTA KETURUNAN MEREKA
BERHIJRAH KE BARAT DAN UTARA UNTUK
MENAMBAH POPULASI DUNIA.


SEM BERHIJRAH KE
TIMUR KE ARAH ASIA.

HAM DAN KETURUNANNYA MENETAP
DI TIMUR TENGAH DAN AFRIKA.

SALAH SEORANG CUCU HEM DAN CICIT NUH MENDAPAT
NAMA NIMROD YANG BERMAKSUD "PEMBERONTAK."



DIA TELAH MENJADI SEORANG YANG CUKUP MENONJOL
DI TAMADUN-TAMADUN AWAL SETELAH BANJIR BESAR,
SEWAKTU MANUSIA MULAI MEMBANGUN SEMULA.



SALAH SATU KOTA YANG DITUBUHKAN OLEH NIMROD ADALAH NINIWE, YANG TERLETAK DI PERSISIRAN SUNGAI TIGRIS.

NOTA: KEDUDUKANNYA ADALAH SEBERANG SUNGAI DARI MOSUL DI IRAQ.

NINIWE KADANG-KALA DIKENALI SEBAGAI "KOTA PEROMPAK" KERANA MEREKA MENAWAN DAN MEROMPAK NEGERI LAIN UNTUK MEMPERKAYAKAN DIRI.



SEPERTI UMAT YAHUDI YANG LAIN, YUNUS MEMBENCI NINIWE DAN MENGHARAPKAN YANG TERBURUK UNTUK ORANG-ORANG NINIWE ATAS SEMUA KEGANASAN YANG MEREKA LAKUKAN.



NAMUN PADA SUATU HARI, YUNUS TELAH MENDENGAR PERINTAH YANG CUKUP MENGERUNKAN...

PERGILAH KE NINIWE, KOTA BESAR ITU, DAN KECAMLAH PENDUDUKNYA. AKU TAHU BAHAWA PENDUDUKNYA SANGAT JAHAT.



NAMUN TUHAN MEMPUYAI RANCANGAN SENDIRI UNTUK MENDAPATKAN PERHATIAN YUNUS -
TUHAN MENDATANGKAN ANGIN KENCANG KE LAUT, LALU TERJADILAH ANGIN RIBUT YANG DAHSYAT.

ANAK-ANAK KAPAL SANGAT
TAKUT DAN BERTERIAK-TERIAK
MINTA TOLONG, MASING-MASING
KEPADA DEWA MEREKA SENDIRI.

KAMOS -
LINDUNGI KAMI!!

DAGON -
SELAMATKAN KAMI!!!

KAPAL INI
AKAN PECAH!

KITA HARUS
MENGURANGKAN
BERATNYA MUATAN!!

#@!*

NAMUN YUNUS YANG INKAR
SEDANG TIDUR DENGAN NYENYAK
DI BAHAGIAN DALAM KAPAL.

BAGAIMANA ENKAU DAPAT TIDUR
DALAM KEADAAN BEGINI? BANGUNLAH!
BERDOALAH MINTA TOLONG
KEPADA DEWAMU.

MUNGKIN DIA AKAN
MENGASIHANI KITA,
DAN KITA TIDAK
AKAN BINASA



MARILAH KITA BUANG
UNDI SUPAYA KITA TAHU
SIAPA YANG BERSALAH,
SEHINGGA KITA DITIMPA
BENCANA INI!



SESIAPA YANG
MENDAPAT UNDIAN
WARNA HITAM - DIALAH
YANG BERSALAH.



...LALU YUNUS
YANG KENA UNDI.



BETULKAH ENKAU
YANG MENYEBABKAN
BENCANA INI?

APAKAH
PEKERJAAN ENKAU?
MENGAPA ENKAU
BERADA DI SINI?

ENKAU
DARI MANA?

DAN BANGSA APA?



AKU ORANG IBRANI. AKU MENYEMBAH
TUHAN YAHWEH, ALLAH DI SYURGA,
YANG MENCIPTA LAUT DAN DARAT.

KAMU BERKATA
BAHAWA KAMU
SEDANG LARI DARI
TUHAN.

SEKARANG
KAMI
PERCAYA!

APA YANG
TELAH KAMU
BUAT?!

LAUT MENJADI SEMAKIN BERGELORA.


APAKAH YANG HARUS
KAMI LAKUKAN KEPADAMU
SUPAYA ANGIN RIBUT
INI REDA?

BUANGLAH AKU KE
DALAM LAUT, LALU
ANGIN RIBUT TENTU
AKAN REDA.

AKU TAHU BAHAWA
AKULAH YANG MENYEBABKAN
ANGIN RIBUT YANG DAHSYAT
INI MENIMPA KAMU SEMUA.



ANAK-ANAK KAPAL ITU TIDAK MAHU
MEMBUNUH YUNUS DAN MASIH BERUSAHA
SEDAYA MUNGKIN UNTUK MENDAYUNG
KAPAL ITU KE DARATAN.



NAMUN ANGIN RIBUT MAKIN MENGAMUK JUGA,
SEHINGGA USAHA MEREKA SIA-SIA BELAKA



YA TUHAN,
KAMI MOHON,
JANGANLAH BINASAKAN
KAMI KERANA
MENGAMBIL NYAWA
ORANG INI.



YA TUHAN, ENKAULAH
YANG BERTANGGUNGJAWAB
ATAS SEMUA HAL INI;
INILAH PERBUATAN-MU.

KEMUDIAN MEREKA
MELEMPARKAN YUNUS
KE DALAM LAUT...

LALU ANGIN
RIBUT BERHENTI
MENGAMUK DENGAN
SERTA-MERTA!




TUHAN YANG YUNUS
KATAKAN INI - YAHWEH -
SESUNGGUHNYA DIA
ADALAH TUHAN
YANG BENAR!

TIDAK ADA
PENJELASAN
LAIN LAGI!

CEPAT! AMBIL SISA
GANDUM YANG KITA ADA -
BAKARLAH SEBAGAI
KORBAN KEPADA TUHAN
YAHWEH INI.

SEMENTARA ITU, TUHAN
MENYURUH SEEKOR IKAN
BESAR UNTUK MENELAN
YUNUS.








TUHANNYA,
YAHWEH, TELAH
MENGIRIM
SEKOR IKAN...

...UNTUK
MEMBUNUH
DIA!

NAMUN TUHAN TIDAK MENGIRIM IKAN BESAR
ITU UNTUK MEMBUNUH YUNUS TETAPI UNTUK
MEMBERIKAN SUATU PENGAJARAN YANG KERAS.

KEINGKARAN ITU CUKUP
MERUGIKAN... DAN MENYAKITKAN.



TUHAN TELAH MEMERINTAHKAN
YUNUS UNTUK KE NINIWE.

SEKIRANYA YUNUS SENDIRI TIDAK MAHU
KE NINIWE, MAKA TUHAN AKAN MEMASTIKAN
YUNUS KE SANA DENGAN CARA LAIN.



TUHAN TELAH MENDAPAT PERHATIAN YUNUS.
SEKARANG, GILIRAN UNTUK BERESPON.



SELAMA TIGA HARI DAN TIGA
MALAM, YUNUS BERADA
DALAM KEHELAMAN.



DIA TELAH MERENUNGAN
KEINGKARANNYA...
DAN BERDOA.

DOANYA MENCERMINKAN
PERUBAHAN HATINYA.



YA TUHAN,
DALAM KESUSAHANKU
AKU BERSERU
KEPADA-MU, DAN
ENGKAU MENJAWAB
AKU.

DARI DUNIA ORANG
MATI AKU MOHON
PERTOLONGAN,
PERMOHONANKU
ENGKAU DENGAR DAN
PERHATIKAN.

AIR LAUT NAIK SAMPAI KE BIBIRKU,
SAMUDERA RAYA MELIPUTI SELURUH
TUBUHKU, RUMPAI LAUT MELILIT
KEPALAKU. DARI LAUT YANG DALAM,
ENGKAU MENYELAMATKAN AKU,
YA TUHAN ALLAHKU!

PARA PENYEMBAH BERHALA YANG SIA-SIA,
MENINGGALKAN ENGKAU DAN TIDAK LAGI SETIA.
AKU AKAN MENUNAIKAN SEGALA JANJIKU. ENGKAULAH
TUHAN YANG MENYELAMATKAN.



TIGA HARI DAN TIGA MALAM TANPA MAKANAN DAN DALAM KEGELAPAN TELAH MEMBAWA KESAN. SEKARANG SEWAKTU TUHAN BERCICARA – YUNUS BERSEDIA UNTUK TAAT.



SEKARANG TUHAN MENOLONG YUNUS UNTUK MELAKSANAKAN TUGAS YANG DIBERIKAN.

FIRMAN TUHAN DATANG KE YUNUS UNTUK KALI KETIGA.

PERGILAH KE NINIWE, KOTA BESAR ITU. BERITAHULAH PENDUDUK KOTA ITU PERKHABARAN YANG AKU BERIKAN KEPADAMU INI.



KALI INI... YUNUS BERSEDIA UNTUK MENGIKUT DAN MENAATI PERINTAH TUHAN DAN BERKOTBAH KEPADA KOTA NINIWE.

TUHAN TELAH MENDAPATKAN
PERHATIAN YUNUS...



...DAN SEKARANG DIA AKAN
MENDAPATKAN PERHATIAN
YANG LAIN.

KAMI MELIHAT DIA
KELUAR DARI PERUT IKAN -
LIHATLAH DIA -
PUTIH SEKALI!!



PASTI KERANA
BERADA DALAM
PERUT IKAN!

LELAKI YANG BERJALAN MASUK KE NINIWE
MENDAPAT PERHATIAN ORANG RAMAI.



PERJALANAN YUNUS MASIH PANJANG DAN DIA HARUS
MENGHARUNGI GUNUNG DAN GURUN UNTUK SAMPAI
KE NINIWE. TAPI KALI INI DIA BERSEDIA UNTUK TAAT.

SEMENTARA YUNUS MELEWATI KOTA-KOTA DAN
DESA-DESA, TERSEBARLAH KHABAR TENTANG
LELAKI YANG DATANG DARI LAUT.



SALAH SATU BERHALA YANG DISEMBAH
ORANG-ORANG ASYUR ADALAH DEWA IKAN
YANG BERNAMA DAGON.

INILAH LELAKI
YANG DIKATAKAN
DIMUNTAKAN OLEH
IKAN BESAR.

MUNGKINKAH
DAGON YANG
MENGUTUS DIA?


KOTA NINIWE CUKUP BESAR,
SAIZ KOTA TERSEBUT SUDAH PASTI
CUKUP MENGAGUMKAN BAGI YUNUS.



ORANG-ORANG ASYUR SANGAT KEJAM - MEREKA TERKENAL
DENGAN MEMOTONG LIDAH MUSUH MEREKA ATAU MENGULIT
MEREKA HIDUP-HIDUP LALU MENGGANTUNG KULIT
MEREKA DI TEMBOK KOTA.

TUHAN TELAH MEMPERSIAPKAN YUNUS...
TETAPI JUGA TELAH MEMPERSIAPKAN
ORANG-ORANG NINIWE.

TERJADI KEBULURAN BESAR -
BEBERAPA TAHUN SEBELUMNYA.



GERHANA BULAN TELAH BERLAKU DAN MEREKA
BERTANYA-TANYA ADAKAH MUNGKIN ADA TUHAN
YANG TELAH TERSINGGUNG OLEH MEREKA.

DAN SEKARANG... ADA SEORANG
LELAKI YANG DATANG DARI LAUT, TEMPAT
KEDIAMAN DEWA IKAN MEREKA.

TUHAN TELAH MENDAPAT
PERHATIAN MEREKA.





EMPAT PULUH HARI
LAGI, NINIWE AKAN
DIHANCURKAN!



NAMUN, TERJADILAH SESUATU
YANG CUKUP MENAKJUBKAN
DALAM SEJARAH...

INILAH TITAH DARIPADA RAJA
DAN PARA MENTERI: SEMUA ORANG,
LEMBU, DOMBA, DAN BINATANG
TERNAKAN YANG LAIN DILARANG
MAKAN DAN MINUM. MANUSIA DAN
BINATANG MESTI MEMAKAI KAIN GUNI.
SETIAP ORANG MESTI BERDOA DENGAN
SUNGGUH-SUNGGUH KEPADA ALLAH.

DAN BERHENTI
MELAKUKAN PERBUATAN
YANG JAHAT DAN KEJAM.



SIAPA TAHU?

MUNGKIN ALLAH AKAN
MENGUBAH FIKIRAN-NYA
DAN TIDAK MURKA LAGI, MAKA
KITA TIDAK AKAN DINABASAKAN!



RAJA MENGISYTIHARKAN PERINTAH
INI KEPADA PENDUDUK KOTA NINIWE
DAN RAKYATNYA TAAT KEPADANYA -
DARI YANG TERBESAR...



...HINGGA YANG TERKECIL.





YUNUS TERTUNGGU-TUNGGU SAAT TUHAN MEMUSNAHKAN NINIWE SEPERTI YANG DIFIRMANKAN, NAMUN YUNUS MENGALAMI SESUATU YANG BERBEZA.

APABILA TUHAN MELIHAT BAGAIMANA ORANG-ORANG NINIWE BENAR-BENAR BERTAUBAT DAN BERPALING DARI CARA HIDUP YANG JAHAT, DIA MENGUBAH FIKIRAN-NYA DAN TIDAK MELAKSANAKAN HUKUMAN YANG DIRANCANGKAN-NYA TERHADAP MEREKA.



YA TUHAN, SEBELUM AKU BERANGKAT DARI RUMAHKU DAHULU, TIDAKKAH AKU KATAKAN BAHAWA ENKAU PASTI AKAN BERBUAT BEGINI?

ITULAH SEBABNYA AKU BERUSAHA SEBERAPA DAYA UNTUK LARI KE SEPANYOL! AKU TAHU BAHAWA ENKAU ALLAH YANG PENYAYANG DAN PENGASIH, SENTIASA SABAR, LEMAH LEMBUT, DAN SELALU BERSEDIA UNTUK MENGUBAH FIKIRAN SEHINGGA TIDAK MENJATUHKAN HUKUMAN.

SEKARANG, YA TUHAN, BIARLAH AKU MATI SAJA, KERANA LEBIH BAIK AKU MATI DARIPADA HIDUP.

ENKAU TIDAK MEMPUYAI ALASAN UNTUK MENJADI MARAH.



KEMUDIAN YUNUS PERGI KE SEBELAH TIMUR KOTA ITU, DAN DUDUK DI SANA.

DIA MEMBUAT SEBUAH PONDOK, LALU BERTEDUH DI SITU, SAMBIL MENUNGGU APA YANG AKAN TERJADI KEPADA KOTA NINIWE.

PADA MASA ITU TUHAN ALLAH
MENUMBUHKAN SEJENIS TANAMAN
YANG MEMBERIKAN NAUNGAN
KEPADA YUNUS SEHINGGA
DIA BERASA SELESA...



...YUNUS SANGAT
SUKA PADA TANAMAN ITU.

TETAPI PADA WAKTU SUBUH KEESOKAN HARINYA,
ATAS PERINTAH ALLAH SEEKOR ULAT MENYERANG
TANAMAN ITU SEHINGGA LAYU.



SETELAH MATAHARI TERBIT, ALLAH MENDATANGKAN ANGIN PANAS YANG BERTIUP DARI TIMUR. YUNUS HAMPIR PENGSAN KERANA TERIK MATAHARI YANG SEAKAN-AKAN MEMBAKAR KEPALANYA

DIA PUTUS ASA DAN INGIN MATI.

LEBIH BAIK AKU MATI DARIPADA HIDUP!

ENGKAU TIDAK PATUT MARAH KERANA TANAMAN ITU!

MENGAPA TIDAK? MEMANG AKU PATUT MARAH SEKALI SAMPAI MATI.

TANAMAN INI TUMBUH DALAM SATU MALAM SAJA, DAN LAYU PADA HARI BERIKUTNYA; ENGKAU SAMA SEKALI TIDAK MENUMBUHKANNYA ATAU MEMELIHARKANYA. WALAUPUN BEGITU, ENGKAU BERASA KASIHAN KEPADA TANAMAN INI.

NINIWE, KOTA YANG BESAR ITU KERANA DI SITU TERDAPAT LEBIH DARIPADA SERATUS DUA PULUH RIBU ORANG ANAK YANG TIDAK TAHU MEMBEZAKAN APA YANG BAIK DAN APA YANG JAHAT, DAN JUGA BANYAK SEKALI BINATANG.

AKU PASTI LEBIH KASIHAN KEPADA MEREKA.

YUNUS KEMBALI KE ISRAEL, TETAPI TELAH MENDAPAT PENGAJARAN BAHAWA TUHAN ITU TUHAN YANG BERBELAS KASIHAN - YANG PEDULI AKAN SEMUA ORANG.

790 TAHUN KEMUDIAN, SEORANG NABI AGUNG,
YESUS KRISTUS, YANG TELAH MERUJUK SERTA
MENGESAHKAN KESAHIHAN CERITA YUNUS.

GURU, KAMI INGIN
MELIHAT GURU
MELAKUKAN MUKJIZAT.


ALANGKAH JAHAT
DAN DERHAKANYA ORANG
ZAMAN INI! KAMU MEMINTA
AKU MELAKUKAN
MUKJIZAT?

TIDAK! SATU-SATUNYA
MUKJIZAT YANG AKAN
DITUNJUKKAN KEPADA
KAMU ADALAH MUKJIZAT
NABI YUNUS.

SEBAGAIMANA YUNUS TINGGAL
TIGA HARI DAN TIGA MALAM DI DALAM
PERUT IKAN BESAR...

...DEMIKIAN JUGA ANAK MANUSIA AKAN
TINGGAL TIGA HARI DAN TIGA MALAM
DI DALAM PERUT BUMI.

"PADA HARI KIAMAT KELAK, PENDUDUK NINIWE
AKAN BANGKIT BERSAMA-SAMA ORANG ZAMAN INI,
LALU MENUDUH KAMU KERANA MEREKA BERTAUBAT
DARIPADA DOSA APABILA MEREKA MENDENGAR
PERKABARAN YANG DISAMPAIKAN OLEH YUNUS.
TETAPI KETAHUILAH, DI SINI SEKARANG ADA YANG
LEBIH BESAR DARIPADA YUNUS."





SUPERBIBLE.TV